



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN HARI WILAYAH  
PERSEKUTUAN DAN HARI TERBUKA PUTRAJAYA  
2024**

**1 FEBRUARI 2024**

**DATARAN PUTRAJAYA**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم  
الحمد لله رب العالمين، والصلوة  
والسلام على سيدنا محمد أشرف  
المرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

**Yang Berhormat**

**Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim**

**Haji Mokhtar**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah  
Persekutuan)

**Yang Berhormat**  
**Senator Puan Hajah Fuziah Salleh**  
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam  
Negeri dan Kos Sara Hidup

**Yang Berbahagia**  
**Dato' Mohd Shaiful Ibrahim**  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam (Operasi)

**Yang Berbahagia**  
**Dato' Indera Noridah Abdul Rahim**  
Ketua Pengarah, Jabatan Wilayah  
Persekutuan

**Yang Berbahagia**  
**Dato' Townplanner Fadlun Mak Ujud**  
Presiden, Perbadanan Putrajaya

Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

Pengurusan Kanan JWP dan Agensi

Pemimpin-pemimpin Komuniti Wilayah  
Persekutuan

Rakan-rakan Media

Serta Warga Wilayah Persekutuan sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini bersempena Majlis Perasmian Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Terbuka Putrajaya 2024.
2. Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga kerja Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya kerana bersama-sama menjayakan

program pada hari ini yang penuh bermakna dan bersejarah buat kita semua. Tidak dilupa juga buat seluruh warga kerja agensi di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan yang sama-sama menjayakan Sambutan 50 tahun Wilayah Persekutuan di seluruh peringkat sepanjang tahun ini.

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak JAKIM dan JAWI yang turut bersama menjayakan program ‘Subuh Macam Jumaat’ yang telah diadakan di Masjid Putra pada pagi tadi.

4. Saya berharap, inisiatif murni seperti ini akan menjadi suatu permulaan yang baik kepada kita semua khususnya buat seluruh warga Wilayah Persekutuan.

## **WILAYAH PERSEKUTUAN HARMONI DAN SEJAHTERA**

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

5. Wilayah Persekutuan menempatkan pusat-pusat bandar yang penting dan merupakan tunjang kepada pembangunan negara Malaysia.

6. Sebagai sebuah bandar raya metropolitan terbesar di Malaysia, Kuala Lumpur merupakan ibu negara yang menjadi penanda aras bagi prestasi kemajuan ekonomi Malaysia.
7. Selain menjadi pusat perniagaan dan ekonomi negara, Kuala Lumpur juga berada di tangga ke tujuh tertinggi berbanding negeri-negeri di Malaysia dari segi jumlah penduduknya.
8. Melalui data Jabatan Perangkaan Malaysia, penduduk yang menetap di Kuala Lumpur adalah dianggarkan seramai 1.9 juta penduduk, manakala Putrajaya seramai 109,202 orang penduduk, diikuti Labuan seramai 95,120 orang.

9. Dengan jumlah penduduk yang ramai, fokus utama Kerajaan juga adalah bagi memastikan pembangunan yang pesat di Wilayah Persekutuan bergerak seiring dengan pembangunan dari sudut sosial dan ekonomi penduduk.
10. Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi sentiasa memastikan supaya pembangunan Wilayah Persekutuan turut mengambil kira impak ke atas kesejahteraan dan keselesaan kehidupan rakyat.

11. Dalam konteks ini, elemen-elemen penting yang turut diambil kira dalam setiap aspek pembangunan Wilayah Persekutuan turut merangkumi sudut pandang dari segi keselamatan, kebersihan persekitaran, sistem pengangkutan, persekitaran hijau, komuniti yang inklusif, perancangan dan pengurusan tanah yang mampan serta pengukuhan tadbir urus bandar.
  
12. Seiring dengan hasrat yang dizahirkan oleh Kerajaan pada hari ini melalui agenda Malaysia MADANI, pembangunan Wilayah Persekutuan menitik beratkan nilai-nilai manusiawi dalam penggubalan dasar.

13. Ini merangkumi usaha pemerkasaan ekonomi warga, terutama golongan miskin tegar dan miskin, pembinaan rumah mampu milik Residensi MADANI, serta pemerkasaan penjaja dan peniaga kecil melalui usaha menaik taraf fasiliti gerai-gerai.
  
14. Selain Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan juga adalah antara wilayah yang mempunyai peranannya yang tersendiri. Labuan telah menyumbang sebanyak RM 1 bilion kepada pendapatan negara pada setiap tahun dan merupakan penyumbang KDNK per kapita kedua tertinggi di Malaysia.

15. Manakala Putrajaya pula seperti kita semua sedia maklum, adalah merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
16. Di Putrajaya ini lah, Kerajaan memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat diberi dengan lebih baik dan lebih bersepadu dengan akses yang terus boleh dicapai oleh rakyat untuk berurusan dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan.

## **50 TAHUN WILAYAH PERSEKUTUAN: WILAYAH MADANI, RAKYAT HARMONI**

Para hadirin yang saya hormati,

17. Hari ini adalah merupakan detik bersejarah buat kita semua. Wilayah Persekutuan pada hari ini menempa usia 50 tahun sejak pembentukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974 yang lalu.

18. Dengan tema “Wilayah MADANI, Rakyat Harmoni”, Kerajaan menjadikan pencapaian dan kemajuan pesat yang telah dikecapi oleh Wilayah Persekutuan selama tempoh lima dekad pertama ini sebagai insipirasi untuk terus meningkatkan lagi pembangunan yang mampan di Wilayah Persekutuan untuk dekad-dekad yang mendatang.
  
19. Seiring dengan nilai-nilai Malaysia MADANI yang menjadi tonggak Kerajaan pada hari ini, pembangunan di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya turut menitik beratkan elemen pembangunan bandar dan penempatan yang menyeluruh dari sudut ekonomi, sosial, kesejahteraan, dan kebudayaan.

20. Kemajuan dan ketamadunan Wilayah Persekutuan bukan hanya diukur dengan jumlah dan tingginya bangunan semata-mata, namun kepentingan untuk meningkatkan darjat kehidupan rakyat juga perlu diberi keutamaan.
  
21. Sehubungan itu, melalui inisiatif Program Usaha Jaya Insan atau PUJI, Jabatan Wilayah Persekutuan komited dalam membasmi kemiskinan tegar dan memperkasakan warga dan ketua isi rumah melalui program-program penjanaan pendapatan, pembangunan usahawan, perlindungan sosial, pendidikan dan sebagainya.

**SAMBUTAN HARI WILAYAH  
PERSEKUTUAN & HARI TERBUKA  
PUTRAJAYA 2024**

Hadirin sekalian,

22. Sempena meraikan 50 Tahun Wilayah Persekutuan, Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi telah menyusun pelbagai program dan aktiviti menarik yang tidak hanya tertumpu pada bulan ini semata-mata, tetapi turut diadakan untuk sepanjang tahun 2024.
  
23. Sebanyak 61 program telah dirangka pada tahun ini, iaitu 23 program di Kuala Lumpur, 17 program di Labuan dan 21 program di Putrajaya.

24. Pada hari ini juga, terdapat pelbagai aktiviti dan acara menarik telah disediakan untuk para hadirin, antaranya pameran berkenaan inisiatif PUJI oleh Jabatan Wilayah Persekutuan, penyampaian perkhidmatan daripada pelbagai agensi, Wilayah Persekutuan Berselawat 2024 serta Hari Terbuka Putrajaya 2024 dengan pelbagai aktiviti yang menarik.
25. Bermula hari ini juga pengunjung Hari Terbuka Putrajaya boleh mencuba sendiri perkhidmatan pengangkutan terbaru di Putrajaya iaitu Transit Aliran Automatik atau ART yang disediakan

oleh Perbadanan Putrajaya. Saya pun akan cuba juga selepas program ni.

26. Seperti semua sedia maklum, pada hari ini hingga 4 Februari ini, pengunjung boleh menggunakan ART ini secara percuma.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

27. Saya amat berharap agar program seperti ini dapat menjadi medan riadah dan interaksi masyarakat warga Wilayah Persekutuan yang berbilang kaum, selain dapat memperkenalkan fungsi dan perkhidmatan yang disediakan oleh

agensi-agensi kerajaan kepada warga Wilayah Persekutuan dan orang ramai yang hadir pada hari ini.

28. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat ulang tahun ke-50 tahun Wilayah Persekutuan.
29. Semoga Wilayah Persekutuan akan terus maju membangun dan warganya akan terus hidup dalam makmur dan sejahtera.

30. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,  
saya dengan ini merasmikan Sambutan  
Hari Wilayah Persekutuan dan Hari  
Terbuka Putrajaya 2024.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.